

14 DEC 1996

LEAD Mahathir - Kazakhstan

KAZAKHSTAN PELAWA PELABUR MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 14 Dis (Bernama) -- Kazakhstan berharap lebih banyak pelabur Malaysia akan pergi ke negara itu yang sedang beralih kepada pasaran bebas, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Pelawaan itu disuarakan oleh Presiden Kazakhstan Nursultan Nazarbayev dalam perbincangannya dengan Dr Mahathir mengenai kerjasama dua hala di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah di sini.

Pemimpin negara bekas Soviet Union di Asia Tengah itu singgah di lapangan terbang itu dalam perjalanan pulang ke Almaty selepas melawat Australia.

Dr Mahathir berkata Malaysia akan mengkaji permintaan Kazakhstan supaya diadakan penerbangan dari Malaysia ke negara itu.

Malaysia juga sedia menyediakan 20 lagi tempat untuk melatih pegawai Kazakhstan termasuk dalam bidang perancangan ekonomi, katanya kepada pemberita selepas pertemuan selama satu jam dengan Nazarbayev.

Ketua Pengarah Unit Perancangan Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Ali Abul Hassan turut menyertai perbincangan itu.

Sebelum ini, 13 pegawai Kazakhstan mengikuti latihan di Malaysia.

Perdana Menteri berkata, Kazakhstan yang sebelum ini mengamalkan ekonomi terpimpin, ingin mendalami cara-cara pasaran bebas.

Malaysia juga akan berusaha membantu Kazakhstan dalam perancangannya mendirikan sebuah ibu negara baru, katanya.

Semasa lawatannya ke Kazakhstan, Julai lepas, Dr Mahathir mempelawa teknokrat Kazakhstan datang ke Malaysia untuk mengkaji cara Malaysia membangunkan pusat pentadbiran yang baru di Putra Jaya.

Kazakhstan sedang merancang mendirikan ibu negara yang baru di Akmoly, kira-kira 1,000 km dari ibu negaranya sekarang iaitu Almaty.

Dalam kunjungannya ke negara itu, Dr Mahathir menyatakan antara bidang usahasama yang boleh diterokai oleh pelabur Malaysia di Kazakhstan termasuk peralatan telekomunikasi, peralatan pejabat, perabot dan pemprosesan makanan.

Beliau juga berkata usahawan Malaysia boleh mengadakan usahasama dengan syarikat-syarikat Kazakhstan untuk mengimport, menyimpan dan mengedar barangan perkilangan Malaysia ke negara-negara Kesatuan Ekonomi Asia Tengah yang turut dianggotai oleh Kazakhstan. -- BERNAMA

AZZ FAZ